

Dasar baru bagi majukan lagi negara dan rakyat

KUALA LUMPUR, Jumaat — Beberapa dasar baru yang ditonjolkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, adalah untuk memajukan lagi usaha-usaha pembangunan negara dan meninggikan taraf hidup rakyat.

Ini seiring dengan langkah memperkemas jentera pentadbiran negara supaya ia benar-benar cekap dan tidak berlaku pembaziran dalam kerja-kerjanya.

Demikian ditegaskan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi, dalam temuramah dengan akhbar *Merdeka* keluaran terbaru.

Belliau berpendapat, langkah-langkah itu perlulah selaras dan mengikut ide-ide baru, formula-formula baru dan corak bekerja cara baru yang dibawa oleh Perdana Menteri itu.

Menurutnya, dasar Pandang ke Timur "ialah untuk memberi kita peluang menimba ide dari pengalaman Jepun dan Korea Selatan bagi faedah pembangunan Malaysia".

Dasar Persyarikatan Malaysia pula, ujarnya, diharapkan mewujudkan kerjasama yang berkesan dan bermakna antara kerajaan dan swasta untuk mempercepat dan meningkatkan lagi pembangunan negara.

"Ini penting kerana pihak swasta adalah rakan kerajaan dalam proses pembangunan yang maha penting ini.

"Jika pihak swasta tidak maju dan ekonomi kita terus lembab, tentulah Kerajaan sendiri tidak akan mendapat hasil dari ekonomi yang lembab itu," tegasnya.

Cabaran ekonomi

Datuk Abdullah berkata, dalam keadaan demikian usaha-usaha pembangunan sosial dan ekonomi negara tidak akan dapat dijalankan sebagaimana yang dikehendaki.

Menurut beliau, bagi sesebuah negara, pentadbiran ialah jentera utama untuk melaksanakan dasar-dasar kerajaan, dan pelaksanaan itu mesti dibuat dengan bersih, cekap dan amanah.

"Kita sedang menghadapi kesan kemelesetan ekonomi yang sedikit sebanyak telah menjejaskan usaha pembangunan yang sedang berjalan.

"Oleh itu untuk menghadapi cabaran ekonomi ini, maka sudah semestinya jentera pentadbiran diperkemas sebaik-baiknya supaya ia benar-benar cekap dan tidak lagi wujud pembaziran dalam sebarang urusannya.

"Ini juga bermakna hasil kerja mesti ditingkatkan," ujarnya.

Datuk Abdullah berkata, dasar menyerahkan beberapa tugas Kerajaan kepada swasta, sebenarnya tidak bermakna Kerajaan membelakangkan tanggungjawabnya terhadap rakyat.

"Sebaliknya perkhidmatan Kerajaan, secara menyeluruh, diharapkan akan menjadi lebih cekap dan berkesan.

"Tugas-tugas yang dicadang diberi kepada sektor swasta itu adalah perkhidmatan-perkhidmatan yang lazim dijalankan oleh swasta di negara-negara maju," kata beliau lagi.

Datuk Abdullah berharap dengan wujudnya dasar-dasar itu, usaha-usaha bagi memajukan perkhidmatan awam dan corak kepemimpinan melalui teladan yang dianjurkan, usaha-usaha pembangunan negara akan dapat diteruskan dengan penuh berkesan.

Di samping itu, Kejasama antara kumpulan politik dengan pihak pentadbir dan antara kerajaan dengan pihak swasta perlu sekali dipererat untuk mengelakkan masalah dan pembaziran.